



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (8) dlm. JK/MP 38 Jld. 6

Tarikh : 11 Jun 2013

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Presiden Majlis Peguam

Presiden Persatuan Undang-Undang Sabah

Presiden Persatuan Peguambela Sarawak

Timbalan Pendaftar /Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi/Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 5 TAHUN 2013
GARIS PANDUAN, TATACARA DAN TANGGUNGJAWAB
PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH BAGI KES-KES KESALAHAN HUKUMAN MATI

Arahan Amalan ini adalah dibuat bagi memberi panduan kepada Pendaftar dan juga Peguam Lantikan Mahkamah bagi kes-kes kesalahan hukuman mati mengenai tatacara pelantikan, tanggungjawab dan saraan.

1. KELAYAKAN

1.1 Untuk dilantik sebagai Peguam Lantikan Mahkamah, seorang peguambela dan peguamcara hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- (a) hendaklah secara aktif mengendalikan kes-kes jenayah untuk tempoh tiga (3) tahun sebelum pelantikan; dan

- (b) dalam tempoh tiga (3) tahun tersebut telah secara sendiri ataupun membantu peguamcara lain mengendalikan tiga kes yang melibatkan hukuman mati.

2. KEMASUKAN DALAM DAFTAR PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

- 2.1 Setiap Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi yang beramal di Malaya, Sabah dan Sarawak, mempunyai sijil amalan yang sah bagi tahun tersebut, dan memenuhi kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di bawah dan telah menyatakan hasratnya untuk menjadi peguam lantikan mahkamah boleh berbuat demikian dengan mengemukakan **Borang A** kepada Majlis Peguam/Jawatankuasa Majlis Peguam Negeri. Majlis Peguam/Jawatankuasa Majlis Peguam Negeri hendaklah menyenaraikan nama peguambela/peguamcara ke dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah mengikut negeri.

Sesalinan **Borang A** tersebut hendaklah diserahkan kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) untuk rujukan. Setiap Majlis Peguam Negeri hendaklah mengemukakan senarai nama-nama peguam untuk dilantik oleh mana-mana mahkamah yang telah dikemaskinikan setiap tahun kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah .

- 2.2 Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah mempunyai kuasa untuk memilih mana-mana peguambela dan peguamcara yang telah didaftarkan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah mengikut senarai Majlis Peguam untuk dilantik mewakili mana-mana tertuduh dalam kes-kes hukuman mati melalui borang pelantikan sepertimana di **Borang A1**.
- 2.3 Peguam Lantikan Mahkamah tidak hanya terhad kepada peguam yang berdaftar dengan jawatankuasa peguam bagi sesuatu negeri tetapi keutamaan akan diberikan kepada peguam yang beramal di sesuatu negeri sahaja. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk melantik peguam berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:
- a) Faktor geografi di antara dua negeri. Sebagai contoh, negeri kecil yang berjiran di antara satu sama lain seperti Melaka dengan Johor, Perlis dengan Kedah;

- b) Negeri kecil yang mana bilangan Peguam Lantikan Mahkamah adalah terhad; dan
- c) Mengambil kira jarak perjalanan berdasarkan alamat Peguam Lantikan Mahkamah ke mahkamah serta kos lain yang terlibat.

[Untuk negeri Sabah dan Sarawak, pemakaian tertakluk kepada *Sabah Advocates Ordinance* dan *Sarawak Advocates Ordinance*.]

- 2.4 Pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah boleh dibuat di mana-mana peringkat prosiding jenayah oleh Pendaftar-Pendaftar Mahkamah. Walau bagaimanapun adalah lebih wajar sekiranya pelantikan tersebut dibuat sebaik sahaja Tertuduh dituduh melakukan kesalahan yang membawa hukuman mati di Mahkamah Tinggi ataupun Tertuduh telah memfailkan rayuan terhadap sabitan hukuman mati di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan sebagaimana kes tersebut.
- 2.5 Bagi tujuan untuk mempercepatkan perbicaraan rayuan kes-kes hukuman mati yang dirayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, keutamaan hendaklah diberikan kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang mewakili Tertuduh di peringkat mahkamah bicara, dan ini adalah tertakluk kepada persetujuan antara Tertuduh dan peguam tersebut. Perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan oleh peguam tersebut untuk mempercepatkan proses pelantikan.

3. PENERIMAAN PELANTIKAN

Apabila Peguambela dan Peguamcara telah menerima pelantikan tersebut, beliau hendaklah menyempurnakan pelantikan tersebut setakat mana dia berupaya (*to the best of his ability*). Seseorang peguam yang telah menerima pelantikan tidak boleh menarik diri melainkan terdapat permintaan oleh Tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan dan dengan kebenaran Mahkamah.

4. TANGGUNGJAWAB PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

- 4.1 Apabila seseorang Peguambela dan Peguamcara telah menerima pelantikan tersebut, Peguambela dan Peguamcara tersebut hendaklah memastikan bahawa beliau bersedia untuk mewakili Tertuduh di mana-mana peringkat prosiding perbicaraan ataupun peringkat rayuan sebagaimana kes tersebut.

- 4.2 Tugas dan tanggungjawab Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- a) untuk mengendalikan kes dengan tekun dan efektif pada setiap masa perbicaraan ataupun rayuan terhadap Tertuduh sebagaimana kes tersebut;
 - b) untuk menjalankan sesi temuramah dengan Tertuduh bagi mendapatkan arahan lengkap sebelum perbicaraan dimulakan dan menyimpan rekod-rekod tersebut;
 - c) untuk mempertimbangkan sama ada permohonan representasi perlu dibuat ke Jabatan Peguam Negara dan jika ya, membuat permohonan representasi dalam tempoh masa yang munasabah; dan
 - d) tidak memberikan kes tersebut kepada peguam lain kecuali dengan kebenaran Mahkamah.
- 4.3 Apabila seseorang Peguambela dan Peguamcara telah menerima lantikan mahkamah, Peguambela dan Peguamcara tersebut tidak boleh menarik diri dengan sewenang-wenangnya dari pelantikan tersebut. Sebarang permohonan penarikan diri hendaklah dibuat di mahkamah terbuka.
- 4.4 Sekiranya seseorang Tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan oleh Mahkamah Tinggi tetapi Mahkamah Rayuan/ Mahkamah Persekutuan memerintahkan pembelaan dipanggil, Peguam Lantikan Mahkamah di mahkamah bicara hendaklah menerima lantikan mahkamah bagi meneruskan pembelaan kecuali jika Tertuduh ingin melantik peguam sendiri atau nama Peguambela dan Peguamcara tersebut tidak lagi berada dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah.

5 SARAAN

- 5.1 Peguam Lantikan Mahkamah akan dibayar yuran perkhidmatan apabila kes selesai sebagaimana skala yang ditetapkan di perenggan 9 Arahan Amalan ini atau apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.
- 5.2 Tuntutan hendaklah dibuat melalui surat kepada Pendaftar Mahkamah yang melantik dan disertakan bersama **Borang B dan B1** yang lengkap dan disahkan oleh Pendaftar Mahkamah yang melantik.
- 5.3 Borang B dan B1 yang disahkan hendaklah dilampirkan bersama-sama dokumen berikut:

- (i) Salinan diakui sah Surat Pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah oleh Pendaftar Mahkamah yang melantik;
- (ii) Salinan diakui sah Perintah bermeterai dari Mahkamah yang berkenaan; dan
- (iii) Butir-butir tuntutan seperti jumlah hari perbicaraan, perbelanjaan perjalanan dan resit asal bayaran balik perbelanjaan selain dari caj fotokopi, bayaran telefon, faks, pos, dan perbelanjaan perjalanan.

Bagi memudahkan pengisian Borang B dan B1, dilampirkan sesalinan **contoh borang** tersebut yang telah diisi sebagai panduan sebagaimana di **Lampiran C**.

- 5.4 Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah mengemukakan tuntutan pembayaran perkhidmatan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi (mahkamah yang melantik) dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas keputusan diberikan.
- 5.5 Manakala bagi kes-kes yang keputusan diberikan dalam bulan Disember, tuntutan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah berkenaan sebelum atau selewat-lewatnya pada 10 haribulan Januari tahun kalendar baru.
- 5.6 Bagi mengelakkan tuntutan ditolak, perenggan 5.3 dan 5.4 hendaklah dipatuhi dengan ketat (*strictly complied with*).
- 5.7 Peguam Lantikan Mahkamah dikehendaki menyimpan rekod berkenaan masa yang digunakan ketika perbicaraan di Mahkamah dan menemuduga Tertuduh, diskripsi kertas yang telah dibuat dan salinan-salinan hujahan serta ikatan otoriti yang telah dikemukakan pada Mahkamah.
- 5.8 Pendaftar Mahkamah yang melantik boleh memohon untuk mendapatkan penjelasan yang spesifik ataupun dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Akauntan Negara sebelum tuntutan boleh diluluskan.
- 5.9 Jika Peguam Lantikan Mahkamah yang mewakili Tertuduh yang dituduh di bawah lebih daripada satu kes dan kes didengar secara bersama, tuntutan untuk *getting up* hanya akan dibayar bagi satu kes sahaja. Lain-lain perbelanjaan *out of pocket* akan dibayar secara berasingan.
- 5.10 Bagi kes-kes di mana Tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan yang dikurangkan (*reduced charge*) pelantikan adalah berterusan bagi tujuan untuk mewakili Tertuduh dalam prosiding pengakuan salah tersebut. Walau bagaimanapun, jika mana-mana Tertuduh menuntut untuk

dibicarakan terhadap pertuduhan yang telah dikurangkan, maka pelantikan tidak akan diteruskan.

6. NOTA KETERANGAN

Nota Keterangan hendaklah dibekalkan tanpa kos atas permohonan Peguam Lantikan Mahkamah.

7. DAFTAR PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

- 7.1 Majlis Peguam hendaklah menyelenggara, menyimpan dan mengemaskinikan Daftar Peguam Lantikan Mahkamah sebagaimana dirujuk di dalam Arahan Amalan ini.
- 7.2 Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah mempunyai budi bicara untuk memilih mana-mana peguam daripada Daftar Peguam Lantikan Mahkamah tanpa perlu memberikan alasan-alasan pemilihan.
- 7.3 Majlis Peguam boleh mengeluarkan nama mana-mana peguam yang didaftar dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah jika ia adalah wajar berbuat demikian dan hendaklah menyerahkan senarai yang telah dikemaskinikan secara berkala kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah bagi urusan pelantikan.
- 7.4 Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi hendaklah menyedia dan menyelenggara buku daftar Peguam Lantikan Mahkamah.

8. HAL-HAL LAIN

- 8.1 Pihak Mahkamah, Majlis Peguam, Persatuan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguam Sarawak dan Jawatankuasa Peguam Negeri boleh, apabila perlu meminta peguambela dan peguamcara mengemukakan apa-apa maklumat bahawa peguambela dan peguamcara tersebut adalah layak untuk didaftarkan sebagai peguam yang dilantik oleh mahkamah berdasarkan kepada Arahan Amalan ini.
- 8.2 Jika terdapat mana-mana keadaan yang tidak diperuntukkan oleh Arahan Amalan ini, peguambela dan peguamcara berkenaan hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya demi kepentingan Tertuduh dengan

mengambilkira tanggungjawab utamanya sebagai pegawai mahkamah (*amicus curae*) untuk membantu mahkamah mentadbirkan keadilan.

9. KADAR BAYARAN

9.1 Skala bayaran adalah seperti berikut:

9.1.1 Mahkamah Tinggi

(a) Termasuk bayaran untuk <i>getting up</i> menemuramah tahanan dan hadir perbicaraan hari pertama	RM6,000.00
(b) Perbicaraan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(c) Perjalanan menggunakan kereta sendiri	RM0.70 sekilometer
(d) Bayaran bagi kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari menghadiri perbicaraan termasuk juga Hari Kelepasan Am	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(e) Bayaran tambang teksi	Kos Sebenarnya
(f) Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi
(g) Bayaran sewa hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari
(h) Caj fotokopi, telefon, faks, pos atau kurier	RM100.00
(i) Bayaran balik perbelanjaan (<i>disbursements</i>)	Kos Sebenar

Butiran lengkap bayaran *getting up* di Mahkamah Tinggi adalah seperti di perenggan 10.1.

9.1.2 Mahkamah Rayuan

(a) Termasuk bayaran untuk <i>getting up</i> menemuramah tahanan dan hadir perbicaraan hari pertama	RM3,000.00
(b) Perbicaraan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(c) Perjalanan menggunakan kereta sendiri	RM0.70 sekilometer
(d) Bayaran bagi kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari menghadiri perbicaraan termasuk juga Hari Kelepasan Am	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(e) Bayaran tambang teksi	Kos Sebenarnya
(f) Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi
(g) Bayaran sewa hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari
(h) Caj fotokopi, telefon, faks, pos atau kurier	RM100.00
(i) Bayaran balik perbelanjaan (<i>disbursements</i>)	Kos Sebenar

Butiran lengkap bayaran *getting up* di Mahkamah Rayuan adalah seperti di perenggan 10.2

9.1.3 Mahkamah Persekutuan

(a) Termasuk bayaran untuk <i>getting up</i> menemuramah tahanan dan hadir perbicaraan hari pertama	RM3,500.00
(b) Perbicaraan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(c) Perjalanan menggunakan kereta sendiri	RM0.70 sekilometer
(d) Bayaran bagi kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari menghadiri perbicaraan termasuk juga Hari Kelepasan Am	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(e) Bayaran tambang teksi	Kos Sebenarnya
(f) Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi
(g) Bayaran sewa hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari
(h) Caj fotokopi, telefon, faks, pos dan kurier	RM100.00
(i) Bayaran balik perbelanjaan (<i>disbursements</i>)	Kos Sebenar

Butiran lengkap bayaran *getting up* di Mahkamah Persekutuan adalah seperti di perenggan 10.2.

10. BAYARAN *GETTING UP*

10.1 Mahkamah Tinggi

Bayaran *getting up* sebanyak RM 6,000.00 adalah mengikut peringkat-peringkat seperti berikut:

- (i) Bayaran penuh RM6,000.00 dalam keadaan di mana Peguam Lantikan Mahkamah mengendalikan kes sehingga:
- (a) akhir kes pendakwaan apabila Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan; atau
 - (b) akhir kes pembelaan apabila Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan atau disabitkan; atau
 - (c) kes-kes mengaku salah terhadap pertuduhan alternatif atau pertuduhan yang telah dikurangkan (*reduced charge*).
- (ii) Pembayaran berperingkat *getting up* selain daripada keadaan para (i) (a), (b) dan (c) di atas mengikut tiga peringkat sepertimana jadual di bawah:

Nota: Bayaran *getting up* tersebut adalah termasuk item (c), (d), (e), (f), (g) dan (i) pada perenggan 9.1.1 dari hari pertama pelantikan sehingga ke hari pertama perbicaraan.

Peringkat 1 [Pengurusan Kes]	Peringkat 2 [Kes Pendakwaan]	Peringkat 3 [Kes Pembelaan]
RM1,000.00	RM3,000.00	RM2,000.00

(a) Peringkat 1: (Peringkat Pengurusan Kes)

RM 1,000.00 akan dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang terlibat di peringkat pengurusan kes sahaja.

(b) Peringkat 2: (Peringkat akhir kes pendakwaan)

RM 3,000.00 akan dibayar kepada Peguam Baru Lantikan Mahkamah yang terlibat sehingga ke akhir kes pendakwaan.

Nota: Penglibatan Peguam Lantikan Mahkamah tersebut hanya akan dikira jika saksi pertama telahpun memberi keterangan. Jika saksi yang pertama belum memberi keterangan, hanya bayaran pada Peringkat 1 yang terpakai.

(c) Peringkat 3: Peringkat Akhir Pembelaan

RM2000.00 akan dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang hanya terlibat di peringkat pembelaan sahaja.

Nota: Jika terdapat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah melepaskan dan membebaskan Tertuduh di peringkat pendakwaan, dan Mahkamah Rayuan telah memerintahkan Tertuduh membela diri, bayaran *getting up* kepada Peguam Lantikan Mahkamah adalah sebagaimana di Peringkat 3.

(d) Penukaran Peguam

- (i) Pada mana-mana peringkat berlaku penukaran Peguam Lantikan Mahkamah maka kedua-dua Peguam Lantikan Mahkamah akan menerima bayaran penuh untuk peringkat tersebut. **Namun demikian**, bayaran penuh bagi peringkat tersebut akan hanya dibayar penuh kepada mana-mana penukaran peguam apabila penarikan diri peguam dibenarkan di mahkamah terbuka.
- (ii) Perlu diingatkan bahawa seseorang peguam yang telah menerima pelantikan tidak boleh menarik diri melainkan terdapat permintaan oleh Tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan dan dengan kebenaran mahkamah di mahkamah terbuka.
- (iii) Sebarang permohonan penarikan diri secara bertulis adalah tidak dibenarkan. Sekiranya ini berlaku, tiada bayaran akan dibayar kepada peguam tersebut.
- (iv) Tiada bayaran akan dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang menarik diri pada mana-mana peringkat prosiding perbicaraan atau rayuan tanpa alasan munasabah atau diarahkan menarik diri oleh mahkamah.

10.2 Mahkamah Rayuan Dan Mahkamah Persekutuan

10.2.1 Bayaran *getting up* kepada Peguam Lantikan Mahkamah di peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan adalah sebanyak RM3,000.00 dan di Mahkamah Persekutuan sebanyak RM3,500.00. Bayaran *getting up* tersebut adalah **termasuk** item (c), (d), (e), (f), (g) dan (i) pada perenggan 9.1.2 untuk Mahkamah

Rayuan dan perenggan 9.1.3 untuk Mahkamah Persekutuan bayaran dari hari pertama pelantikan sehingga ke hari pertama perbicaraan.

Jumlah bayaran *getting up* tersebut adalah mengikut peringkat-peringkat berikut:

- i. Bayaran penuh akan dibuat dalam keadaan:
 - (a) Petisyen Rayuan difailkan dan diserahkan; dan
 - (b) Peguam Lantikan Mahkamah diarah menarik diri pada mana-mana peringkat oleh kerana Tertuduh ingin melantik peguam sendiri. Namun begitu Peguam Lantikan Mahkamah tersebut hendaklah menerima semula pelantikan oleh Mahkamah untuk menyelesaikan kes tersebut sekiranya peguam lantikan Tertuduh kemudian menarik diri.
- ii. Bayaran separuh akan dibuat dalam keadaan berikut:
 - (a) Petisyen difailkan dan diserahkan tetapi peguam dilantik tersebut diarah menarik diri kerana Tertuduh memohon kepada mahkamah untuk melantik peguam lantikan lain/baru; atau
 - (b) Petisyen difailkan dan diserahkan, kemudian peguam yang dilantik memohon menarik diri atas alasan yang munasabah dan dibenarkan oleh mahkamah.
- iii. Penukaran Peguam
 - (a) Pada mana-mana peringkat berlaku penukaran Peguam Lantikan Mahkamah maka kedua-dua Peguam Lantikan Mahkamah akan menerima bayaran penuh untuk peringkat tersebut. Namun demikian, bayaran penuh bagi peringkat tersebut akan hanya dibayar penuh kepada mana-mana penukaran peguam apabila penarikan diri peguam dibenarkan di mahkamah terbuka.
 - (b) Perlu diingatkan bahawa seseorang peguam yang telah menerima pelantikan tidak boleh menarik diri melainkan terdapat permintaan oleh Tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan dan dengan kebenaran mahkamah di mahkamah terbuka.

- (c) Sebarang permohonan penarikan diri secara bertulis adalah tidak dibenarkan. Sekiranya ini berlaku, tiada bayaran akan dibayar kepada peguam tersebut.
- (d) Tiada bayaran akan dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang menarik diri pada mana-mana peringkat prosiding perbicaraan atau rayuan tanpa alasan munasabah atau diarahkan menarik diri oleh mahkamah.

10.2.1 Peguam Lantikan Mahkamah Menarik Diri Pada Mana-mana Peringkat Prosiding

Tiada bayaran akan dibayar kepada peguam yang menarik diri pada mana-mana peringkat perbicaraan dan rayuan tanpa alasan munasabah atau diarahkan menarik diri oleh mahkamah.

11. SAKSI-SAKSI

Di peringkat pembelaan, sekiranya Peguam Lantikan Mahkamah memanggil saksi, maka bayaran perbelanjaan adalah seperti berikut:

- (a) Perbelanjaan biasa adalah ditanggung oleh pihak polis sepertimana lain-lain saksi dalam perbicaraan itu; dan
- (b) Sekiranya terdapat perbelanjaan khas yang ditanggung oleh Peguam Lantikan Mahkamah, tuntutan boleh dibuat di bawah *disbursement* dengan mengemukakan resit sokongan. Kadar bayaran mestilah munasabah dan kelulusan bagi tuntutan taksiran percukaian bukanlah satu kemestian.
- (c) Perbelanjaan khas boleh dibayar kepada peguam, sekiranya ia mengemukakan resit sokongan. Tuntutan boleh dibuat di bawah *disbursements* apabila taksiran percukaian dikemukakan. Kadar bayaran mestilah munasabah dan kelulusan bagi tuntutan taksiran percukaian bukanlah satu kemestian.

Misalan

Contoh perbelanjaan khas adalah seperti dalam keadaan saksi pembela dipanggil untuk bertemu peguam yang dilantik di kamarnya untuk pemeriksaan atau hadir untuk memberi keterangan (dengan kebenaran mahkamah).

12. Dengan berkuat kuasanya Arahan Amalan ini, Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2010 dan Bil. 3 Tahun 2010 bertarikh 5 Mei 2010, Ruj. JK/MP 38 Jld. 5, Bil. 1 Tahun 2011 dan Garis Panduan Pengisian Borang AA- Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 27 Januari 2011 adalah dengan ini terbatal. Namun demikian, bagi maksud kadar bayaran bagi Peguam Lantikan Mahkamah yang dibuat sebelum berkuat kuasanya Arahan Amalan ini, Arahan Amalan pada masa lantikan dibuat kepadanya adalah terpakai.
13. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai tarikh **1 Julai 2013**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k :

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pengarah Mahkamah Negeri
SELURUH MALAYSIA

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Pengarah Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

**Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

**Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**